

23/06/2004

Bertandinglah atas kewibawaan diri

By Azman Zakaria

"SIAPA nak bertanding, bertandinglah. Tak payah tubuh kem. Bila ada kem, inilah yang jadi perbalahan. Kem lawan kem. Dalam keadaan itu nanti, seluruh ahli dalam bahagian akan terbabit... siapa masuk kem itu dan kem ini."

Inilah ingatan Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kepada ahli Umno yang berhasrat bertanding jawatan dalam pemilihan parti yang bakal berlangsung.

Ingatan ini sebenarnya bagaikan azimat yang membawa makna dan pengertian besar kepada Umno dan orang Melayu di negara ini. Ia bukan sekadar mesti dipatuhi pada pemilihan parti tahun ini, malah seharusnya juga terus didukung, diingati dan dituruti pada setiap kali pemilihan, bermula pada peringkat cawangan lagi.

Sebagai parti tunjang Barisan Nasional (BN), sejak penubuhannya pada 1946 lagi, Umno telah mengharungi pelbagai pahit maung dan ranjau serta dihimpit pelbagai masalah. Namun, ia dapat terus berdiri teguh, mengepalai 14 parti komponen dalam BN meneraju pentadbiran negara.

Jika dihalusi faktor yang memberi kekuatan kepada Umno, nyata asasnya adalah perpaduan dan semangat cintakan parti di kalangan ahli. Justeru, di sinilah letaknya tunjang Umno. Kesepaduan di kalangan ahli walaupun ada ketikanya Umno menghadapi kemelut lantaran sikap segelintir ahlinya yang membelakangkan parti untuk mengejar impian peribadi.

Disungkap daripada ingatan yang diberikan Abdullah itu, nyata natijah yang bakal menanti adalah perpecahan jika wujud kem dalam parti. Ingatan ini boleh ditafsir sebagai amaran supaya ahli Umno tidak mengundang bencana kerana sebarang kepincangan dalaman akan mudah meranapkan keutuhan parti.

Sejarah sudah membuktikannya. Umno melalui detik hitam yang begitu mencabar ekorannya wujudnya kem atau puak dalam parti ketika pemilihan pada 1987 dan 1993. Peristiwa yang tidak pernah terduga menjadi realiti dan kenyataan pahit untuk ahli Umno.

Umno pernah diharamkan, lantaran kemelut yang bermula pada pemilihan 1987 ekoran kewujudan kem atau kumpulan yang mahu mengalahkan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pencabarnya, Tengku Razaleigh Hamzah bersama penyokong keluar daripada Umno dan menubuhkan parti serpihan Parti Melayu Semangat 46 yang nyata melemahkan Umno, sehingga BN tewas di Kelantan pada Pilihan Raya Umum 1990. Semangat 46 kemudian dibubarkan dan majoriti ahlinya menyertai semula Umno.

Seperti kata Tengku Razaleigh ketika memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir di Kota Bharu pada 22 Julai 1999 berikutan tindakannya sehingga Umno diisytihar haram:

"Kita cipta masa depan lebih gemilang dan semua pemimpin Umno saling bermaafan. Buang yang keruh demi anak cucu kita yang disayangi, buang perasaan itu. Cukuplah kita berbalah sesama kita, mengata di belakang. Marilah kita berganding bahu untuk bersama mengangkat martabat bangsa dan negara."

Pada pemilihan 1993 pula, Datuk Seri Anwar Ibrahim membentuk apa yang dipanggil 'Team Wawasan' yang berjaya mengetepikan Tun Ghafar Baba daripada jawatan Timbalan Presiden parti.

Apabila Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1998, penyokongnya keluar daripada Umno dan menubuhkan Parti Keadilan

Nasional. Ini sekali lagi memberi kesan besar kepada Umno dan BN apabila Terengganu pula terlepas ke tangan pembangkang pada Pilihan Raya Umum 1999, sebelum merampasnya semula pada pilihan raya umum Mac lalu.

Rentetan peristiwa seperti inilah yang tentunya mahu dielak daripada berulang oleh Abdullah yang juga Perdana Menteri kerana kekuatan Umno bererti kekuatan BN meneraju pentadbiran negara.

Diimbau peristiwa silam, ekor saingan sengit ada kem yang tewas enggan menerima hakikat kekalahan atas apa juga alasan mereka, lantas menyumbang kepada kelemahan sokongan kepada parti.

Dalam hal ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bukan sekadar menyatakan tidak wajar wujud pemikiran berasaskan kem sama ada pada peringkat nasional atau bahagian, malah mengingatkan ahli Umno supaya tidak termakan dengan kata-kata bahawa calon yang bertanding mendapat restu pemimpin peringkat nasional.

Lazimnya, kewujudan kem jika berlaku akibat perebutan jawatan pada peringkat tinggi membawa bersama pembahagian parti dengan calon sering dikaitkan atau mengaitkan diri dengan nama pemimpin peringkat nasional.

Pertandingan harus dijalankan atas gelanggang sama rata berdasarkan kewibawaan masing-masing dengan mengamalkan demokrasi yang mantap dan bersih, supaya ahli menilai serta memilih pemimpin berdasarkan merit.

Amalan mewujudkan kem dan bergantung kepada kekuatan nama orang lain hanya menggambarkan kelemahan calon berkenaan yang tidak berupaya untuk berdiri atas kaki sendiri.

Pemilihan yang dibuat berdasarkan kem yang membabitkan ahli yang bergabung dalam satu kumpulan akan menyebabkan pilihan dibuat berdasarkan kem yang tentunya sukar untuk mendapat pemimpin terbaik di kalangan yang bertanding.

Maka, jika ada 'penumpang' dalam kem yang lebih popular, maka 'penumpang' itu juga bakal terpilih walaupun secara hakikinya, keupayaan 'penumpang' itu secara perbandingan tidak setanding calon dari kem lain.

"Biarlah ahli menilai dan memilih calon berdasarkan ciri-ciri ketokohan pemimpin. Ini penting kerana pemimpin yang dipilih inilah yang bakal mengemudi masa depan bangsa dan negara," kata penganalisis politik yang mengikuti perkembangan pemilihan parti tahun ini.

"Jika sayangkan parti, setiap ahli mesti akur dengan ingatan itu. Pengalaman lalu yang menjurus kepada perpecahan perlu dijadikan iktibar," katanya.

Bila wujud kem, pesaing untuk sesuatu jawatan secara sedar atau tidak, dalam usaha menarik sokongan akan cuba mengalahkan lawan walaupun dengan cara yang tidak sewajarnya.

Justeru, timbullah dakwaan politik wang yang secara langsung boleh menjejaskan kredibiliti pemimpin jika terbabit.

Bagaimanapun, persoalannya kini adalah sejauh masa ingatan yang diberikan oleh Abdullah itu akan dipatuhi sepenuhnya... tepuk dada tanya selera.

Jika didasarkan pada sejarah lampau, sesetengah ahli politik, terutama yang mula meniti tangga politik akan berpaut kepada kekuatan kem untuk mencari tapak politik mereka.

(END)